



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN  
FAEDAH**

**KOD KURSUS : DSM3203**

**PEPERIKSAAN : JUN 2022**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: : BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**


*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **16** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

1. Antara berikut, yang manakah **benar** tentang definisi gaji?
  - A Gaji ialah upah yang diberikan kepada pekerja.
  - B Gaji ialah sejumlah wang yang diberikan oleh majikan kepada pekerjanya.
  - C Gaji ialah satu amaun yang akan diberikan kepada pekerja setelah pekerja selesai melakukan sesuatu kerja.
  - D Gaji merupakan suatu bayaran yang boleh diterima oleh seseorang pekerja pada setiap penghujung bulan ataupun setiap hujung minggu atau seperti yang dinyatakan dalam perjanjian pekerjaan.
  
- 2.



**Rajah 1**

Rajah di atas menunjukkan sebanyak 91 peratus generasi Y tidak akan kekal lama bekerja dalam sesebuah organisasi. Apakah faktor utama yang menyebabkan generasi Y tidak boleh kekal lama untuk bekerja dalam sesebuah organisasi?

- A Mencari pengurus yang bertoleransi.
- B Pekerjaan tidak sesuai dengan personaliti.
- C Mengembangkan jaringan sosial dengan pekerjaan yang profesional.
- D Ganjaran yang lumayan dan mendapat peluang kerjaya dengan lebih cepat.

3. Encik Zaki telah menerima bonus tahunan kerana mempunyai prestasi kerja yang baik pada tahun 2021. Beliau juga telah dianugerahkan sebagai pekerja cemerlang pada tahun berkenaan. Apakah jenis pampasan yang telah diterima oleh Encik Zaki?
- A Pampasan kewangan dan bukan kewangan.
  - B Pampasan kewangan langsung dan tidak langsung.
  - C Pampasan kewangan langsung dan bukan kewangan.
  - D Pampasan kewangan tidak langsung dan bukan kewangan.
4. \_\_\_\_\_ merupakan keadilan dalam perbezaan bayaran gaji pekerja berdasarkan tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh majikan.
- A Ekuiti
  - B Ekuiti luaran
  - C Ekuiti individu
  - D Ekuiti dalaman

5.


Syarikat MMC Sdn. Bhd. telah menawarkan pampasan yang tinggi kepada pekerja berbanding dengan syarikat pesaingnya. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan pekerja sedia ada untuk bekerja di syarikatnya.

**Pernyataan 1**

Pernyataan 1 menerangkan

- A ekuiti luaran.
- B polisi pimpinan.
- C polisi ketinggalan.
- D polisi bayaran gaji.

6.



Rajah 2

Rajah di atas menunjukkan julat bayaran gaji pekerja mengikut tahap pendidikan. Berdasarkan rajah di atas, apakah jenis ekuiti yang sesuai dilaksanakan oleh majikan?

- A Ekuiti pasaran.
- B Ekuiti individu.
- C Ekuit dalam gaji.
- D Ekuiti pasaran gaji.

7. Manakah antara yang berikut merupakan jenis-jenis insentif jangka masa panjang yang dipraktikkan di Malaysia?

- i. Skim pencen
- ii. Skim Bencana Pekerjaan
- iii. Pelan perkongsian keuntungan
- iv. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

- A** i sahaja  
**B** i dan ii  
**C** i dan iv  
**D** ii, iii dan iv

8.

- Kawalan dalam jumlah jualan
- Kawalan dalam bilangan unit yang dikeluarkan
- Pengurangan kadar kesalahan
- Pekerja mempunyai kawalan yang mencukupi ke atas output kerja dan pada masa yang sama boleh mengawal tahap prestasi masing-masing.

**Pernyataan 2**

Pernyataan di atas merujuk

- A** Pelan Insentif Kerja.  
**B** Pelan Insentif Individu.  
**C** Pelan Insentif Kumpulan.  
**D** Pelan Insentif Organisasi.

9. Puan Talita merupakan seorang pekerja kontrak di Syarikat Tyro Sdn. Bhd. Beliau telah diarahkan oleh majikannya untuk bekerja dari rumah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semenjak tahun 2020. Semasa dalam tempoh bekerja dari rumah, Puan Talita telah tergelincir dalam bilik air. Manakah antara berikut merupakan insentif yang akan diperolehi oleh Puan Talita?
- A Insentif Bekerja Daripada Rumah.
  - B Insentif Melindungi Pekerja Kontrak.
  - C Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel.
  - D Insentif Perintah Kawalan Pergerakan.
10. Berikut merupakan kategori dalam pampasan faedah berkanun **kecuali**
- A cuti sakit.
  - B cuti umum.
  - C cuti tahunan.
  - D cuti kecemasan.
11. Puan Reena merupakan seorang suri rumah. Beliau telah membuat keputusan untuk mencarum di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk simpanan masa hadapan. Namun begitu, jumlah caruman yang akan dicarumkan adalah mengikut kadar kemampuannya. Caruman yang sesuai untuk Puan Reena ialah
- A I-Suri KWSP.
  - B I-Saraan KWSP.
  - C Caruman pilihan sendiri KWSP.
  - D Kasih Suri Keluarga Malaysia KWSP.

12.


- Pada tahun 2022, statistik pekerja yang telah kehilangan pekerjaan ialah sebanyak 9,289 orang.
- Kehilangan pekerjaan ini disebabkan oleh VSS/MSS.
- Menyediakan program subsidi upah bersasar.
- Menyediakan elaun mencari pekerjaan.

**Pernyataan 3**

Pernyataan di atas menerangkan

- A** Sistem Insurans Pekerja (SIP).
- B** Sistem Kehilangan Pekerjaan.
- C** Kementerian Sumber Manusia.
- D** Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

13.



Rajah 3

Berdasarkan maklumat dalam rajah di atas, pekerja yang disahkan dijangkiti Covid-19 di tempat kerja boleh membuat tuntutan dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Apakah skim yang boleh dituntut oleh pekerja?

- A Bencana kerja.
- B Insurans Syarikat.
- C Insurans Pekerjaan.
- D Sistem Insurans Pekerja (SIP).



14. Encik Sahlan merupakan seorang pekerja di Highway Plus. Beliau telah mengalami kecederaan parah akibat kemalangan jalan raya semasa dalam perjalanan ke tempat kerja. Kecederaan parah yang dialami oleh beliau mengakibatkan kecacatan yang berkekalan. Apakah jenis faedah yang mungkin Encik Sahlan terima daripada situasi di atas?
- i. Pencet ilat.
  - ii. Bantuan Ilat.
  - iii. Faedah perubatan.
  - iv. Elaun layanan sentiasa.
- A** i sahaja  
**B** i dan ii sahaja  
**C** i, ii dan iv sahaja  
**D** Semua di atas
15. Gaji hendaklah dibayar oleh pihak majikan dalam tempoh sebulan sekali tidak lewat dari hari\_\_\_\_\_ bulan berikutnya.
- A** ketiga
  - B** ketujuh
  - C** kelapan
  - D** kesepuluh
16. Rayyan telah dibayar gaji mengikut kadar jam iaitu RM9.00 satu jam. Jika Rayyan bekerja hanya lapan jam sahaja sehari, gajinya akan dibayar dengan kadar RM56.00 sehari. Apakah sistem pengurusan gaji yang telah digunakan oleh majikannya dalam proses pembayaran gaji pekerja?
- A** *Payroll Software.*
  - B** *Time-Related System.*
  - C** *Piece-Related System.*
  - D** Sistem bayaran gaji syarikat.

17.

<b>Syarikat Jewel Yellow Sdn.Bhd</b> <b>112, Jalan Padang Tembak, Kluang, Johor</b>			
<b>Nama : Zahrin Bin Ahmad</b> <b>IC No : 910910-01-5354</b> <b>Department : Marketing</b>			
<b>Gaji Asas</b>	<b>5,000.00</b>	<b>PERKESO</b>	<b>XXX</b>
<b>Insentif</b>	<b>400.00</b>	<b>KWSP</b>	<b>XXX</b>
		<b>PCB</b>	<b>XXX</b>
		<b>SIP</b>	<b>XXX</b>

Rajah 4

Berdasarkan rajah di atas, berapakah kadar caruman PERKESO yang perlu dicarum oleh Zahrin?

- A RM18.80.
  - B RM19.75.
  - C RM69.05.
  - D RM88.80.
18. Encik Naleen amat menggalakkan pekerja untuk menghasilkan produk yang berkualiti serta mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sebagai penghargaan, Encik Naleen akan memberi insentif kepada individu yang boleh menghasilkan jumlah output sebagaimana yang dikehendakinya. Sistem gaji yang dilaksanakan oleh Encik Naleen ialah
- A *Pay-Rated System.*
  - B *Time-Based Payroll.*
  - C *Piece-Related System.*
  - D *Piece-Controlled System.*

19. Apakah perbezaan di antara Pengurus Teori-X dan Pengurus Teori-Y dalam konteks pengurusan pampasan dan faedah kepada pekerja?

	Pengurus Teori-X	Pengurus Teori-Y
<b>A</b>	Menahan ganjaran dan menyekat tahap gaji serta imbuhan.	Tidak menahan apa-apa ganjaran dan faedah kepada pekerja.
<b>B</b>	Membuat pemotongan gaji apabila pekerja datang lambat.	Tidak memotong gaji pekerja yang datang lambat.
<b>C</b>	Tidak memberikan bonus kepada pekerja yang rajin.	Memberikan bonus berdasarkan merit.
<b>D</b>	Memberikan elaun perkhidmatan kepada pekerja.	Elaun diberikan kepada pekerja senior sahaja.

20. Berikut merupakan sebab-sebab pekerja ingin kekal berkhidmat di dalam organisasi **kecuali**


- A** majikan memberikan insentif kepada pekerja.
- B** majikan menyediakan latihan kepada pengurus atasan.
- C** majikan menyediakan tempat kerja mengikut kesesuaian pekerja.
- D** majikan mengutamakan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

21. Najla telah menolak tawaran sebagai Pengurus Sumber Manusia di Syarikat Food Tea Sdn. Bhd. Hal ini disebabkan oleh beliau telah mendapat tawaran yang lebih baik daripada syarikat lain. Apakah faktor utama yang menyebabkan Najla menolak tawaran di Syarikat Food Tea Sdn. Bhd.?

- i. Gaji.
- ii. Tawaran bonus.
- iii. Sokongan rakan sekerja.
- iv. Sokongan pihak pengurusan.

- A** i sahaja
- B** i dan ii
- C** i, ii dan iv
- D** Semua di atas

22.



Rajah 5


Kajian di atas menunjukkan bahawa sebanyak 19 peratus pekerja berhenti disebabkan oleh faktor gaji dan 5 peratus adalah disebabkan oleh faktor faedah. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Pengurus Sumber Manusia sebelum pekerja meninggalkan organisasi?

- A *Exit-Interview.*
- B Sesi kaunseling.
- C Memujuk pekerja.
- D Menawarkan gaji lumayan untuk pekerja.

23. Afzan bekerja sebagai Juruwang di Syarikat Zimart Sdn. Bhd. dan telah berkhidmat selama tiga tahun. Beliau dibayar gaji sebanyak RM1,300.00 sebulan. Berapakah kadar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang perlu dibayar daripada syer majikannya?

- A RM143.00.
- B RM156.00.
- C RM169.00.
- D RM199.00.

24. Jika gaji Hamizi adalah sebanyak RM6000.00, berapakah jumlah caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) daripada syer majikannya?
- A RM19.75.
  - B RM69.05.
  - C RM78.00.
  - D RM80.00.
25. Pekerja boleh membuat perancangan awal dengan membuat penamaan di KWSP bagi mengurangkan kesulitan dan mendapat jaminan kewangan selepas anda meninggal dunia. Mengapakah pencarum perlu membuat penamaan di KWSP?
- A Memendekkan kos pengeluaran.
  - B Memudahkan urusan pengebumian.
  - C Membantu ibu bapa yang sudah berusia.
  - D Membantu isteri untuk mendapatkan perlindungan.
26. Majikan di tempat kerja Radhiah masih tidak membayar gaji mengikut kontrak perkhidmatan yang telah dipersetujui bersama. Manakah antara berikut merupakan tindakan yang boleh dilakukan oleh Radhiah?
- A Melaporkan di Jabatan Tenaga Kerja (JTK).
  - B Melaporkan di Sistem Insurans Pekerja (SIP).
  - C Melaporkan di Kementerian Sumber Manusia (KSM).
  - D Melaporkan di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
27. Gaji Ah Seng ialah sebanyak RM2200.00 dan elaun kedatangannya ialah RM300.00. Kirakan gaji bersih Ah Seng pada bulan April 2022.
- A RM2142.00.
  - B RM2157.05.
  - C RM2242.95.
  - D RM2500.00.



Rajah 7

28. Dibawah Pelan Jana Semula Ekonomi, PERKESO telah memperkenalkan Program Pengekalan Pekerja dan X untuk membantu pekerja yang terjejas akibat daripada Pandemik Covid-19. X mewakili
- A Program Subsidi Upah (PSU).
  - B Program Subsidi Elaun (PSE).
  - C Program Subsidi Pendapatan (PSP).
  - D Program Subsidi Perniagaan Kecil (PSPK).
29. Program SIP Gig menawarkan insentif sehingga RM800.00 sebulan selama enam bulan bagi individu yang melakukan pekerjaan tidak formal atau kerjaya ekonomi gig melalui platform digital. Siapakah yang layak menerima insentif ini?
- A Pekerja e-hiling.
  - B Pekerja *Food Panda*.
  - C Pekerja dibuang kerja oleh majikan.
  - D Suri rumah yang tidak bekerja lebih enam bulan dan pendapatan isi rumah kurang daripada RM2208.00.
30. Mengapakah kerajaan Malaysia telah membenarkan Pengeluaran Khas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM10,000.00 untuk pencarum?
- A Desakan rakyat.
  - B Melancong bersama keluarga.
  - C Pencarum dapat membantu golongan yang susah.
  - D Membantu pencarum yang masih terkesan dengan pandemik bagi memenuhi keperluan.

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

a. Huraikan faedah tidak berkanun dalam pengurusan pampasan dan faedah.

(8 markah)

b. Encik Hazman telah memotong gaji Ahmad di sebabkan oleh kecuaiannya Ahmad yang telah menghilangkan laptop ketika bertugas. Pada pendapat anda, adakah Encik Hazman boleh memotong gaji Ahmad atas sebab kecuaiannya yang dilakukan olehnya?

(12 markah)

**SOALAN 2**

Amran merupakan seorang pekerja asing daripada Vietnam yang telah bekerja selama tiga tahun di Syarikat Gas Ali Sdn. Bhd. Beliau telah mengalami kemalangan di tempat kerja semasa beliau mengendalikan mesin peranti mudah alih. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, faedah apakah yang akan anda pilih untuk melindungi Amran sepanjang beliau menjalani rawatan di hospital? Jelaskan.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah membenarkan pencarum membuat pengeluaran secara penuh ataupun sebahagian daripada simpanan mengikut syarat-syarat yang telah diperuntukkan olehnya. Apakah perbezaan antara pengeluaran KWSP secara penuh dengan pengeluaran KWSP secara sebahagian?

(10 markah)

**[40 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**